

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/1989

Mac/April 1989

BSI 463/2 Ekologi Sumber-Sumber Alam

Masa: [2 jam]

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi DUA soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

Bahagian A (Wajib)

1. Pembangunan sumber air dalam bentuk empangan membawa beberapa masalah persekitaran dan sosial. Senaraikan masalah-masalah ini dan bincangkan impaknya dan bagaimana ia boleh diatasi.
(20 markah)

2. Tuliskan nota-nota pendek mengenai DUA perkara berikut:-
 - (a) Pengurusan sumber
(10 markah)
 - (b) Persamaan Kehilangan Tanah Sejagat (Universal Soil-loss Equation)
(10 markah)
 - (c) Pertanian pindah
(10 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut)

3. Kajian El Nido di Filipina (1988) telah meneliti konflik penggunaan sumber yang melibatkan pembalakan, pelancongan dan aktiviti perikanan. Terangkan latarbelakang kajian ini dan bincangkan penemuan-penemuannya yang paling signifikan.
(30 markah)

4. Masalah penebangan hutan di kawasan tropika pada hari ini amat ketara sekali di banyak negara sedang membangun. Bincangkan kesan ekologi serta implikasinya kepada negara-negara dunia ketiga.
(30 markah)

5. Anda telah dilantik menjadi pakar runding kepada Lembaga Letrik Negara untuk mengkaji dan menilai punca-punca tenaga baru selain daripada punca konvensional (arang batu, nuklear, minyak). Terangkan bagaimana anda akan memenuhi matlamat ini. Bincangkan juga impak persekitaran, ekonomi dan sosial setiap satu punca tenaga yang anda perakukan.

(30 markah)

- ooo00ooo -